

**KESIMPULAN**

Pramoedya menerusi konsep penulisan realisme sosialis yang berasaskan pemikiran Marxisme dalam kesusasteraan, menegaskan sesebuah karya sastra dalam semua genre harus mampu memikul aspirasi, keinginan dan pandangan dunia sesuatu kelompok. Para sarjana serta pengarang Indonesia sendiri harus mencari alternatif untuk melahirkan konsep penulisan yang benar-benar mampu memikul tanggungjawab membina ilmu yang bercitrakan Indonesia dan berlandaskan budaya serta iklim semangat kemerdekaan 1945. Oleh kerana itulah, Pramoedya dan tokoh-tokoh realisme sosialis yang bernaung di bawah Lekra menganggap sastra Indonesia selepas merdeka memerlukan satu sentuhan baru agar Indonesia tidak lagi dijajah dalam ilmu, budaya dan pemikiran.

Sementara itu, dalam memperkatakan hubungan Pramoedya dan Lekra ini, suatu hubungkait harus diteliti dengan saksama. Ini kerana sejak penubuhannya pada 17 Ogos 1950, Lekra berusaha mendekati penulis-penulis radikal seperti Pramoedya dan Rustam Afendi bagi memperluaskan ideologi Marxisme-Leninisme ke arah penciptaan karya-karya yang progresif yang menyuarakan kepentingan kelas (golongan bawahan). Pramoedya dan kelompok penulis radikal ini pula sedang mencari satu saluran untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam menghadapi kelompok Balai Pustaka dan Pujangga Baru yang majoriti. Dengan lain perkataan, Pramoedya cuba menggunakan Lekra sebagai landasan untuk melontar idea dan gagasan baru dalam kesusasteraan

moden Indonesia yang bebas dari ikatan keilmuan dan kesusasteraan Barat (Belanda). Kedudukan inilah yang menimbulkan pandangan negatif dari sebahagian besar penulis Angkatan 45 yang menganggap Pramoedya dan kelompok penulis Lekra sebagai penulis komunis yang membawa wacana perjuangan kelas di Indonesia sehingga mampu merosakkan landasan keilmuan dan kesusasteraan Indonesia. Malah, tanggapan ini juga muncul dari pemerintah Orde Lama dan Orde Baru yang melihat karya-karya Pramoedya mengandungi unsur subversif serta boleh menggugat kestabilan politik Indonesia.

Dalam konteks penulisan karya-karya Pramoedya, khususnya genre novel, terlihat jelas satu usaha beliau untuk cuba mengupas segala persoalan yang berhubung dengan masyarakat yang melatari kehidupannya (golongan bawahan). Persoalan-persoalan seperti kemiskinan, kemelatan serta pelbagai gejala ekonomi lain diakibatkan oleh perang, kolonialisme serta sikap elit politik peribumi sendiri yang menindas dan sebagainya untuk kepentingan peribadi. Dengan meletakkan dirinya sebagai narator atau pencerita tentang masyarakatnya (golongan bawahan), Pramoedya mengutarakan cita-cita kelompok dan kesedaran kolektif mereka untuk meraih satu tingkat hidup yang lebih sempurna, sejahtera serta mendapat perhatian yang sewajarnya dalam sistem kehakiman, pengagihan ekonomi dan sebagainya. Aspek yang sangat perlu diberi perhatian oleh Belanda dan pemerintah Indonesia ialah pendidikan moden anak-anak peribumi.

Oleh itu, sebagai intelektual kelompoknya, Pramoedya meletakkan novel-novelnya sebagai hasil kesedaran, nilai-nilai, aspirasi dan tingkah laku kelompok yang menaunginya. Dalam novel-novelnya sejak *Sepuluh Kepala NICA* dan *Kamudian Runtuhlah Majapahit* yang dihasilkan pada tahun 1946-1947, Pramoedya melihat dan mengamati secara langsung pelbagai aspek dari zaman kolonial hingga pentadbiran Orde

Lama, sebagai era pemerintahan sendiri oleh bangsa Indonesia. Meskipun tidak terlihat pertentangan kelas yang ketara, kedua-dua novel ini membuka satu wacana kesusasteraan Indonesia yang berbeza dengan pandangan-pandangan yang diutarakan oleh Balai Pustaka dan Pujangga Baru. Pada peringkat awal penubuhannya, kedua-dua institusi bahasa dan sastra ini sering menghidangkan karya-karya yang berusaha memaparkan estetika bahasa dan sastra dalam konteks kehidupan yang masih berbau Belanda, tanpa memperlihatkan fungsi kemasyarakatan yang jelas. Ini dapat dilihat dalam karya-karya awal Balai Pustaka seperti *Bukan Salah Asohan* (Abdul Muis), *Siti Nurbaya* (Marah Rusli), *Layar Terkembang* (Sutan Takdir Ali Sjahbana) dan *Belenggu* oleh Armin Pane. Hal ini sama sekali berbeza dengan tulisan realisme sosialis oleh Pramoedya seperti yang terlihat di dalam novel-novelnya, antara lain *Keluarga Gerilya*, *Bukan Pasar Malam* dan *Sekali Peristiwa di Banten Selatan* yang memperlihatkan fungsi kemasyarakatan dan kepentingan kelompok yang jelas.

Dalam karya-karya ini diperlihatkan pembunuhan, pemerkosaan terhadap wanita-wanita Jawa serta kematian kanak-kanak akibat dari kekurangan makanan berzat akibat perang dan revolusi. Kisah penderitaan golongan bawahan pada era Perang Revolusi juga turut diperlihatkan dalam salah satu karya terbaiknya *Keluarga Gerilya* (1950). Beliau memperlihatkan satu pandangan dunia bahawa perang akan meruntuhkan nilai-nilai masyarakat dan kemanusiaan. Manusia tanpa rasa bersalah membunuh sesama sendiri untuk mencapai tujuan, wanita-wanita diperkosa, anak-anak terbiar kelaparan dan sebagainya. Pandangan dunia dan kesedaran kelompok yang diketengahkan hasil pengalaman langsung juga turut diutarakan menerusi novel-novelnya *Korupsi*, *Midah Si Manis Bergigi Mas* dan tetralogi *Bumi Manusia*. Pengalaman melihat dan merasakan

kesulitan hidup akibat perang, kolonialisme dan sebagainya secara langsung menimbulkan kesadaran mental Pramoedy. Justeru kesadaran ini merupakan satu pandangan dunia kelompok masyarakat bawahan yang memayungi kepengarangan Pramoedy sendiri. Menerusi pengalaman masa lalu tersebut, Pramoedy menyuarakan pandangan dunia dan struktur mental kelompok bawahan, khusus di Blora tentang keinginan dan cita-cita kelompok dalam 'menghadapi' kelompok lain, iaitu penjajah Belanda, elit politik peribumi dan golongan kaya. Hal ini sudah pasti bertepatan dengan pernyataan Lucien Goldmann dalam teori Strukturalisme Genetiknya itu yang meletakkan kedudukan seseorang pengarang sebagai intelektual masyarakat yang akan mewakili aspirasi dan kesadaran kolektif mereka.

Selain memperlihatkan pengarang sebagai saluran kesadaran kelompok dan sesebuah karya, khususnya novel adalah 'rakaman' satu tingkah laku sosial yang timbul bukan dari hasrat individu tetapi bersifat kumpulan. Jika hal ini ditoleh kembali kepada karya-karya awal Pramoedy yang diteliti dalam penulisan disertasi ini ia memperlihatkan satu pandangan dunia masyarakat bawahan untuk memperjuangkan kepentingan kelompok mereka agar terjadi satu perubahan positif dalam kehidupan mereka. Meskipun begitu, pandangan-pandangan yang diutarakan oleh Pramoedy dalam karya-karyanya tersebut tidak dapat 'memenuhi' ciri-ciri kesadaran kolektif sebagaimana yang di tuntutan oleh Goldmann. Ini bererti penelitian terhadap kedudukan sesebuah teks dan pengarangnya harus kembali kepada faktor geografi dan sosiobudaya kelompok masyarakat yang menaungi seseorang pengarang. Kenyataan-kenyataan dan pandangan dunia yang diutarakan oleh Pramoedy adalah sama sekali berbeza dengan penelitian Goldmann terhadap karya-karya Barat.

Dalam erti kata lain, situasi politik dan struktur masyarakat Indonesia berbeza dengan struktur masyarakat di Eropah yang melatari lahirnya teori Strukturalisme Genetik oleh Goldmann tersebut. Malah, Goldmann sendiri mengutarakan pandangan-pandangan perjuangan kelas yang Marxistis dalam penelitian sehingga apa yang terlihat di dalam novel-novel Barat yang dikaji adalah satu pertentangan antara kelas proletarian dan kapitalis. Hal ini pastinya berbeza dengan apa yang diketengahkan oleh Pramoedya dalam novel-novelnya. Beliau sama sekali tidak melahirkan novel-novelnya berdasarkan ideologi Marxisme tetapi pandangan kesedaran kelompok dan keinginan untuk meningkatkan kesejahteraan kelompok yang diwakilinya, iaitu golongan bawahan dengan pendekatan sastera. Paparan tentang aspirasi dan kesedaran kelas ini, bertepatan dengan kedudukan Pramoedya sendiri adalah pengarang dari golongan ini yang begitu memahami karakter serta keperluan kelompoknya dalam berhadapan dengan kelas pemerintah, kolonial Belanda serta elit birokrasi.

Tidak dinafikan ada pertentangan dua kelompok masyarakat dalam hirarki sosial masyarakat Indonesia tetapi dalam hal ini ia cenderung bersifat kesedaran kolektif kelompok sahaja dalam tujuan untuk meraih kesejahteraan dan peningkatan taraf hidup mereka. Jika ini diteliti pada karya-karya Pramoedya dalam semua genre, unsur utama yang dipaparkan adalah kesedaran dan pandangan dunia kelompok serta permasalahan-permasalahan yang timbul akibat penjajahan dan sebagainya. Karya-karya yang diketengahkan pula tidak pernah bermaksud untuk menimbulkan semangat kelas golongan bawahan untuk menentang kelas yang memerintah kerana apa yang dikatakan oleh Goldmann dalam Strukturalisme Genetik, merupakan pertembungan dua kelas masyarakat sahaja dalam sesebuah negara. Namun, pada kenyataannya dalam struktur

sosial masyarakat Indonesia, kelas menengah tetap ada dan menjadi jambatan penghubung antara kelas bawahan dan kelas penguasa. Sebagai contoh, watak Minke, Nyai Ontosoroh dan Annelis dalam teralogi *Bumi Manusia* merupakan watak-watak dari kelas menengah tetapi membawa aspirasi dan kesedaran golongan bawahan yang merupakan majoriti di Indonesia sejak zaman kolonial hingga Orde Baru. Dalam erti kata lain, Minke merupakan keturunan *priyayi* dan mendapat pendidikan moden Belanda serta terdedah secara langsung dalam kehidupan yang sama sekali berbeza dengan golongan buruh atau petani lain di Jawa. Malah, Minke juga telah berkahwin dengan Annelis, seorang gadis Indo (darah campuran Belanda dan peribumi).

Namun, teori Strukturalisme Genetik ini dapat dijadikan landasan yang paling sesuai untuk meneliti kedudukan karya-karya Pramoedya dalam hubungannya dengan aspek-aspek kesedaran kolektif kelompok dan tingkah laku sosial mereka. Dari satu segi lain ialah untuk meneliti gaya penulisan realisme sosialis yang merupakan satu tindak balas terhadap 'kelemahan-kelemahan' gaya penulisan humanisme universal penulis Balai Pustaka dan Pujangga Baru. Pramoedya menulis kerana masyarakat Indonesia, khususnya golongan bawahan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dalam pelbagai aspek sewaktu penjajahan Belanda, Orde Lama mahupun Orde Baru. Permasalahan yang dihadapi oleh golongan ini telah dirasai sejak waktu kecilnya di kota Blora yang miskin. Justeru itu, dalam konteks ini, persekitaran masyarakat serta segala tingkah laku sosial atau dapat diandaikan sebagai pertentangan kepentingan kelompok akan menjadi struktur kepada penciptaan sesebuah karya, khususnya novel. Dengan lain perkataan, dalam konteks penulisan realisme sosialis tidak mungkin kelahiran sesebuah karya itu terlepas

dari struktur perkembangan sesebuah masyarakat, terutama masyarakat yang melingkari kehidupan seseorang pengarang.

Penyataan ini terbukti dalam semua kelahiran karya-karya Pramoedya yang sama sekali merupakan satu struktur mental masyarakat dan pemahaman terhadap kesedaran yang bersifat 'trans-mental'. Latar belakang pengarang, sesuai dengan pandangan Strukturalisme Genetik sangat penting, bertujuan untuk menghubungkan struktur karya dengan struktur mental kelompok. Baginya, karya sastera terhasil daripada kesedaran dan tingkah laku sosial dan beliau mahu menetapkan bagaimana karya tersebut dihubungkan dengan masyarakat. Permasalahan-permasalahan yang ada tersebut memerlukan perubahan dan hal inilah yang merupakan keinginan dan cita-cita kelompok yang memayunginya.

Sementara itu, aspek lain yang tidak kurang pentingnya dalam menganalisis novel-novel Pramoedya dengan menggunakan teori Strukturalisme Genetik oleh Goldmann ialah pandangan kemasyarakatan yang didasarkan kepada strukturalisme historis iaitu teks sastera dapat dianalisis dari struktur sejarah. Dalam konteks strukturalisme historis atau menurut Goldmann sebagai sosio-historis, sesebuah karya sastera dihasilkan dari penelitian pengarang terhadap fakta-fakta sejarah dan pandangan dunia pengarangnya. Berdasarkan pandangan ini, struktur tertentu dalam sejarah dapat dihubungkan secara langsung dengan struktur-struktur tertentu dalam masyarakat yang melingkari pengarang. Dengan lain perkataan, dalam menghasilkan karya-karya yang berhubung dengan kesedaran kelompok bawahan menerusi penelitiannya terhadap dilektikal sejarah bangsa, pengarang dapat menyatakan kesedaran kolektif dan identiti kelompok. Kelahiran tetralogi *Bumi Manusia* (1980-1985) dianggap sebagai era baru

dalam 'kajian' kemasyarakatan Pramoedya pada kolonial. Ia mengambil kisah di sekitar era Kebangkitan Nasional (1898-1918) dan pertumbuhan parti-parti politik peribumi di Indonesia untuk memperjuangkan kemerdekaan dari Belanda. Di sebalik watak-watak Minke, Annelis, Nyai Ontosoroh, Nyai Surati dan lain-lain, Pramoedya mengutarakan pandangan dunia bahawa sejak 450 tahun dijajah oleh Belanda, masyarakat Indonesia menginginkan sesuatu iaitu kebebasan, keadilan dan kesejahteraan yang selama ini hanya dinikmati oleh segelintir masyarakat sahaja. Novel-novel dalam tetralogi juga merupakan pandangan dunia Pramoedya dan segenap bangsa Indonesia agar mereka kembali kepada sejarah supaya sejarah yang dialami oleh Minke, Nyai Ontosoroh dan lain-lain tidak akan berulang. Hal yang sama turut disuarakan di dalam novel *Rumah Kaca* yang memperlihatkan Belanda menjadikan Indonesia seperti rumah kaca dengan setiap gerak-geri penduduknya dapat diperhatikan dengan jelas dan mereka bebas berbuat apa sahaja terhadap penduduk di dalamnya.

Dengan meneliti karya-karya Pramoedya dari *Keluarga Gerilya* hingga tetralogi *Bumi Manusia* dengan menggunakan pendekatan Strukturalisme Genetik, jelas bahawa teori ini dapat menelusuri ciri-ciri kesedaran kolektif dan aspirasi kelompok masyarakat bawahan dalam novel-novel tersebut. Dan dalam hal ini, Pramoedya tidak menyuarakan pandangan dunianya sendiri tetapi pada hakikatnya menyuarakan pandangan dunia kelas sosialnya iaitu masyarakat dari golongan bawahan. Kesedaran itu dipaparkan menerusi novel-novelnya berdasarkan pengalaman langsung mahupun pemahaman yang mendalam terhadap fakta-fakta sejarah Indonesia. Di samping itu, Pramoedya juga berjaya menonjolkan watak-watak golongan bawahan dalam pelbagai fenomena serta mengungkapkan pandangan dunia dan kesedaran kelompok seperti yang digariskan oleh



Goldmann menerusi watak-watak yang dipaparkan dalam 'konflik' mereka dengan kelompok pemerintah, pembesar peribumi dan kolonial.

Dengan meneliti novel-novel Pramoedya dalam tiga era tersebut, iaitu era penjajahan Belanda, perang dan pasca Perang Revolusi (Orde Lama), beliau telah memperlihatkan satu pandangan dunia tentang kesedaran kelas masyarakat bawahan dalam menghadapi situasi sezaman selaras dengan gagasan Goldmann dalam teori Strukturalisme Genetik. Menerusi tetralogi *Bumi Manusia* misalnya, Pramoedya memperlihatkan pertentangan antara masyarakat peribumi menerusi watak Minke yang menyuarakan sikap tidak puas hati masyarakat peribumi terhadap diskriminasi Belanda dalam pendidikan dan hak-hak kebebasan politik. Kesedaran kelompok yang diwakili oleh Minke yang melahirkan gagasan kesedaran kelas menerusi tulisan-tulisannya yang dimuatkan di akhbar di Hindia Belanda. (Indonesia), Minke menyuarakan kritikan yang keras terhadap Belanda yang menghadkan pendidikan moden kepada masyarakat peribumi. Selain itu, diskriminasi dalam perundangan juga sangat ketara (terlihat dalam kes perkahwinan antara Minke dan Annelis).

Menerusi watak-watak utama dalam tetralogi ini juga (Minke, Nyai Ontosoroh dan Nyai Surati), Pramoedya juga menyuarakan pandangan dunia tentang cita-cita politik masyarakat peribumi ketika Belanda begitu menghadkan pertumbuhan parti-parti politik peribumi kerana alasan keselamatan di Hindia Belanda. Dalam hal ini, kedudukan Pramoedya sebagai pengarang bertepatan dengan pandangan Goldmann bahawa pengarang merupakan 'suara' kepada kesedaran kolektif kelompok dalam menyatakan aspirasi mereka. Menerusi watak-watak ini, ia merupakan satu pandangan dunia

kelompok bawahan yang diwakili oleh Pramoedya terhadap kelompok yang berkuasa (Belanda dan pembesar peribumi) demi kesejahteraan mereka.

Hal yang sama dapat dilihat dalam novel-novel zaman pendudukan Jepun dan Perang Revolusi (*Perburuan* dan *Keluarga Gerilya*) yang merupakan pandangan dunia masyarakat bawahan yang menderita akibat perang. Sebagai pengarang, Pramoedya mengemukakan cita-cita dan keinginan kelompok yang diwakili untuk meraih kedamaian dan kesejahteraan tanpa perang dan pertumpahan darah. Dalam *Keluarga Gerilya* misalnya, watak-watak seperti Saathan, Amilah, Canimin, Kartiman, Fatimah dan Salamah adalah 'objek-objek' yang digunakan oleh Pramoedya dalam menyuarakan pandangan dunia dan kesedaran kolektif kelompok yang diwakilinya.

Dalam novel-novel pasca Perang Revolusi yang dikaji, iaitu *Sekali Peristiwa di Banten Selatan* dan *Korupsi*, Pramoedya menyatakan pandangan dunia kelompoknya agar pemerintah Orde Lama segera memperbaiki nasib rakyat dan menghentikan kegiatan pecah amanah dan korupsi di kalangan pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Selain itu, pemerintah juga digesa memperbaiki jurang ekonomi dan sosial dalam masyarakat Indonesia yang begitu lebar. Golongan kelas bawah di Indonesia digesa diberi peluang ekonomi dan pendidikan yang lebih baik. Pandangan ini diutarakan menerusi watak 'Aku' (*Korupsi*) yang telah mengabdikan diri lebih 20 tahun sebagai pegawai kerajaan tetapi kesejahteraannya diabaikan sama sekali. Pramoedya menggambarkan satu-satunya harta 'mewah' yang dimiliki oleh 'Aku' hanya sebuah basikal tua. Malah, 'Aku' hampir gagal menghantar anak-anaknya ke sekolah menengah kerana masalah kewangan.

Menerusi *Sekali Peristiwa di Banten Selatan*, Pramoedya menyatakan pandangan dunia masyarakat bawahan Indonesia agar kerajaan segera bertindak menghapuskan

pemberontakan-pemberontakan di beberapa bahagian negara Indonesia. Munculnya pemberontakan tersebut telah menyebabkan penderitaan dan kemelaratan golongan ini. Kesedaran kolektif ini diperlihatkan menerusi watak 'Ireng' dan 'Ranta' yang begitu gigih memperjuangkan kedamaian desanya yang sedang menghadapi pemberontakan Darul Islam/Tentera Islam Indonesia (DI/TII) di Jawa Barat yang dipimpin oleh Kartosuwirjo.

Berdasarkan teori Strukturalisme Genetik oleh Goldmann, paparan kesedaran kolektif dan pandangan dunia yang diutarakan oleh Pramoedya dalam novel-novel yang dapat menentukan kedudukan sebenar Pramoedya. Beliau bukanlah seorang Marxisme yang terlalu ghairah membicarakan pertentangan kelas tetapi seorang humanis yang melontarkan kesedaran dan pandangan dunia kelompok yang menaunginya. Gaya realisme sosialis yang digunakan dalam novel-novelnya hanyalah alat untuk menjadikan tulisan-tulisan tersebut 'menepati' gagasan kemasyarakatan dan kepentingan kelompok yang diwakilinya. Gagasan yang berasaskan pandangan Marxisme ini juga merupakan alat dan saluran yang sesuai bagi Pramoedya kerana Balai Pustaka dan Pujangga Baru dilihat sama sekali gagal memikul wadah golongan bawahan ini. Kedudukan novel-novel Pramoedya ini bertepatan dengan ciri-ciri yang digariskan dalam Strukturalisme Genetik hingga teori ini dapat dianggap paling sesuai untuk meneliti tulisan-tulisan Pramoedya serta hubungannya dengan golongan bawahan. Dengan menggunakan teori ini juga, beberapa aspek terpenting lain seperti yang digagaskan oleh Goldmann dapat diteliti dengan lebih terperinci dalam novel-novel Pramoedya. Antara lain, proses kesedaran trans-mental anggota kelompok sosial yang diwakili oleh Pramoedya akibat tekanan di luar persekitaran mereka seperti

kebijaksanaan pemerintah, sistem pengagihan ekonomi yang buruk dan sebagainya. Ia juga dapat membantu melihat bagaimana proses kesadaran itu berhubungkait dengan kepengarangan Pramoedya sehingga beberapa novelnya seperti *Keluarga Gerilya* dapat menjadi salah satu karya agung dalam sejarah kesusasteraan moden Indonesia.